AUTHOR: No author available SECTION: SETEMPAT PAGE: 14 PRINTED SIZE: 547.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 21,466.00 ITEM ID: MY0056205036



29 OCT, 2023

MENTERI JAMIN HARGA TAK NAIK MENDADAK

Metro Ahad, Malaysia



WAN Raznan Mat Ramli menunjukkan ayam yang dijual di gerainya ketika tinjauan di sekitar Hulu Kelang, semalam. Tinjauan di sekitar Hulu Kelang mendapati rata-rata peniaga di sini menjual ayam dengan harga RM10 sekilogram. Kawalan harga sementara bagi telur dan ayam yang ditetapkan sebelum ini akan dilepaskan supaya pasaran tempatan boleh berfungsi semula dengan bebas dalam memastikan keterjaminan bekalan tersebut di pasaran. Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa membentangkan Belanjawan 2024 Malaysia Madani di Dewan Rakyat berkata, pengumuman berkenaan langkah konkrit akan diperincikan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu dalam tempoh dua minggu ini.

PENGAPUNGAN HARGA AYAM

MENTERI JAMIN HARGA TAK NAIK MENDADAK

Kuala Lumpur

Kerajaan yakin pelaksanaan pengapungan harga ayam tidak akan menyebabkan kenaikan secara mendadak terhadap harga makanan keperluan rakyat itu.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ini kerana kedudukan dan pengeluaran ayam di negara ini masih mencukupi pada ketika ini.

"Harga siling ayam adalah RM9.40, harga ayam yang ada di pasaran sekarang ini berada di bawah harga siling. Jadi kita harap dengan pengapungan ini harga ayam tidak melepasi harga siling.

"Ini juga (berdasarkan) tinjauan kita di pasaran dan pengeluar juga memberi jaminan untuk bekerjasama sepenuhnya supaya bekalan ayam mencukupi bila berlaku pengapungan harga nanti," katanya pada program Naratif Khas terbitan RTM dengan topik Pasca Belanjawan 2024: Tamat Subsidi Ayam, Apa Jaminan Buat Rakyat?, semalam.

Turut sama dalam program itu adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Datuk Badrul Hisham Mohd.

> "Kita harap dengan pengapungan ini harga ayam tidak melepasi harga siling"
> Mohamad

Pada masa sama, Mohamad berkata, mana-mana pihak yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga ayam selepas pelaksanaan pengapungan harga barangan keperluan itu akan berdepan tindakan.

"Saya yakin Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan memantau dengan baik supaya tidak berlaku manipulasi harga.

"Kalau berlaku kenaikan harga yang disengajakan kerajaan boleh bertindak, melainkan kalau ia betul-betul tidak cukup dalam pasaran. Kita lihat bagaimana kerajaan campur tangan untuk membantu khususnya golongan B40," katanya.

Semasa pembentangan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan akan mempertimbang harga ayam dan telur di pasaran diapungkan.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, langkah pengapungan berkenaan dibuat selepas kerajaan mendapati bekalan kedua-dua sumber makanan itu kini stabil.

Dalam pada itu, Badrul berkata kerajaan, terutamanya KPKM, amat berhati-hati apabila membuat sebarang keputusan memandangkan ia akan memberi kesan secara langsung kepada rakyat dan industri.

Beliau berkata, keputusan melaksanakan pengapungan harga itu memakan masa memandangkan kerajaan mengambil pendekatan untuk berunding dengan semua pihak berkepentingan untuk meneliti setiap impak kepada lapisan masyarakat, sekaligus memberikan keseimbangan di semua peringkat.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: SETEMPAT PAGE: 14 PRINTED SIZE: 547.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 21,466.00 ITEM ID: MY0056205036



29 OCT, 2023

MENTERI JAMIN HARGA TAK NAIK MENDADAK

Metro Ahad, Malaysia

SUMMARIES

PENGAPUNGAN HARGA AYAM

Kerajaan yakin pelaksanaan pengapungan harga ayam tidak akan menyebabkan kenaikan secara mendadak terhadap harga makanan keperluan rakyat itu.Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ini kerana kedudukan dan pengeluaran ayam di negara ini masih mencukupi pada ketika ini.“Harga siling ayam adalah RM9.40, harga ayam yang ada di pasaran sekarang ini berada di bawah harga siling. Jadi kita harap dengan pengapungan ini harga ayam tidak melepasi harga siling.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.